



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KAD CERIA WILAYAH PERSEKUTUAN 2017
JALAN BUNUS, OFF JALAN MASJID INDIA**

30 MAC 2017, KHAMIS | 11.00 PAGI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

Terima Kasih Pengacara Majlis,

(*Senarai Salutasi akan diselaraskan kemudian*)

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md. Ikshan,
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Hj. Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Seri Hj. Hasim Bin Hj. Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya**

**Pengurusan Tertinggi Dan Pegawai Kanan Kementerian Wilayah
Persekutuan dan DBKL,**

Rakan-rakan media,

**Dif - Dif Jemputan, Datuk-Datuk, Tuan -Tuan dan Puan-Puan yang
saya hormati sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini untuk melancarkan Kad Ceria Wilayah Persekutuan 2017.
2. Justeru saya ingin mengucapkan terima kasih serta syabas dan tahniah kepada Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi kerana telah merealisasikan hasrat saya untuk membantu warga Wilayah Persekutuan dalam menangani beban kos sara hidup yang agak tinggi sejak akhir-akhir ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Idea asal untuk mengadakan Kad Ceria ini telah tercetus dan telah dilancarkan pada tahun 2015 lagi. Idea ini timbul atas keprihatinan Kerajaan yang sentiasa merasai denyut nadi setiap rakyat yang semakin terbeban dengan kenaikan kos sara hidup terutamanya di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini. Namun pada masa tersebut hanya satu sahaja rakan dagang yang bersetuju untuk menyertai program ini iaitu **Mydin**. Konsep penggunaan kad pada masa tersebut adalah secara pemberian mata ganjaran dan diskaun. Saya difahamkan keuntungan melalui transaksi penggunaan Kad Ceria berkenaan sejak diperkenalkan adalah sebanyak RM22 Juta. Kita mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Mydin.

4. Angka ini amat menggalakkan dan membuktikan ianya diterima oleh warga Wilayah Persekutuan. Ekoran itu, saya rasa terpanggil sekali lagi untuk menambah baik program kad ini yang berkonsepkan **diskaun terus** melalui penglibatan lebih banyak rakan dagang. Saya telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dengan dibantu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan, Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk menggiatkan usaha mempercepatkan program ini dengan penglibatan lebih ramai warga Wilayah Persekutuan terutama sekali golongan B40 iaitu golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Atas usaha kami memujuk Rakan Dagang sebanyak mungkin, Alhamdulillah Kad Ceria Wilayah Persekutuan 2017 pada kali ini mendapat sambutan Rakan Dagang yang sangat luar biasa kerana sehingga kini sebanyak **220 syarikat yang melibatkan 440 cawangan** dari pelbagai bidang telah bersetuju untuk menyertai program kita. Kita boleh berbangga bilamana kepelbagaian premis perniagaan ini mencakupi pelbagai kategori daripada kedai barang makanan harian, kedai-kedai makan, klinik perubatan, hotel, pusat tuisyen, pusat jagaan kanak-kanak, kedai buku, sehinggalah kedai alat komunikasi dan lain-lain. Premis perniagaan ini terdapat di semua 13 parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Fungsi dan penggunaan kad ini akan sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa serta penyertaan rakan dagang juga akan ditambah bilangannya dari semasa ke semasa.

6. Antara rakan dagang yang utama yang telah bersetuju untuk menyertai program ini dengan diskaun menarik yang diberikan adalah **KK Mart** dengan memberikan diskaun sebanyak 5% hingga 20%, **Pusat Pakaian Hari-hari** 10%, **KLCC Food Truck** 10%, **Digital Mall** sebanyak 5% hingga 10% dan rangkaian **anak syarikat Berjaya Corporation Berhad** seperti **Restoran Kenny Rogers** yang menawarkan diskaun sebanyak 5%, dan **Restoran Rasa Utara** yang menawarkan diskaun sebanyak 5%. **Mydin** juga kekal sebagai Rakan Dagang setia Kad Ceria 2017 dan akan menambah produk jualan yang akan mendapat tawaran diskaun Kad Ceria.
7. Saya juga dimaklumkan bahawa pihak Mydin bersetuju untuk memberikan *voucher* pembelian bernilai RM100 manakala pihak KK Mart pula memberikan Kad Ceria yang mengandungi *reload value* bernilai RM100 kepada 13 orang yang bertuah mewakili setiap parlimen. Pemberian ini merupakan simbolik kepada usaha sama dari rakan dagang ke atas usaha yang dilaksanakan oleh KWP dan Agensi.
8. Sebagai tanda komitmen dan keprihatinan mereka membantu warga Wilayah Persekutuan, sebahagian daripada rakan dagang kita ini ada turut bersama kita pada hari ini. Sila beri tepukan gemuruh kepada mereka sebagai tanda penghargaan kepada mereka semua kerana sudi menurunkan harga yang walaupun kecil tapi memberi erti yang sangat besar kepada rakyat Wilayah Persekutuan. Terima kasih kepada semua rakan dagang.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Pengedaran kad ini akan dibuat beserta dengan *booklet* yang mengandungi senarai rakan dagang yang telah bersetuju untuk menyertai bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat senarai rakan dagang yang menyertai program ini. Senarai rakan dagang ini akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa melalui portal <http://kadceria.kwp.gov.my>. Tuan-tuan dan puan-puan boleh melayari laman sesawang tersebut untuk melihat senarai terkini rakan dagang yang menyertai program kad ceria ini.
10. Kad ini akan diberikan secara percuma kepada pengguna yang memohon dan keistimewaan kad ini ialah tiada tarikh tamat tempoh penggunaan kad. Edaran kad ini akan dibuat secara berperingkat melalui Pusat Khidmat Masyarakat di Parlimen masing-masing mulai daripada hari ini. Tuan-tuan dan puan-puan boleh membuat semakan dan permohonan di laman sesawang <http://kadceria.kwp.gov.my>.
11. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga mempunyai satu aplikasi yang dinamakan 1WPrice. Aplikasi ini akan menunjukkan kepada pengguna aplikasi tentang premis-premis perniagaan yang menawarkan harga berpatutan atau rendah. Aplikasi sedang dinaiktaraf buat masa sekarang dan akan sedia untuk digunakan pada Oktober 2017. Melalui aplikasi ini, semua rakan dagang akan diberikan akses untuk membuat promosi mengenai premis perniagaan masing-masing. Di samping itu, tuan-tuan dan puan-puan juga dapat melihat promosi-promosi menarik dan berkongsi

maklumat mengenai premis-premis yang menawarkan harga terendah.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Saya berharap dengan adanya Kad Ceria ini, dapat membantu serba sedikit mengurangkan beban warga Wilayah Persekutuan menguruskan perbelanjaan harian maupun sara hidup tinggi masing-masing terutamanya dalam keadaan ekonomi dunia yang sangat merudum pada ketika ini. Adalah besar harapan saya supaya semua warga Wilayah Persekutuan dapat menikmati kehidupan yang lebih ceria dan sejahtera selaras dengan slogan Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera.
13. Saya sedar program seperti ini tidak akan berjaya dilaksanakan tanpa mendapat kerjasama dan komitmen daripada rakan dagang dan pengguna sekalian.
14. Oleh itu, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa menyokong segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu warga Wilayah Persekutuan khususnya untuk menangani bebanan kos sara hidup yang tinggi.
15. **Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini melancarkan Majlis Pelancaran Kad Ceria Wilayah Persekutuan 2017.**
16. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.